



Sekolah Kebangsaan Masai, Masai Johor

BUKU PENGURUSAN KOKURIKULUM 2015

**Kokurikulum
Menjana
Modal Insan
Gemilang**

Unit Kokurikulum
Sekolah Kebangsaan Masai, Johor Bahru, Johor.

KANDUNGAN

| BIL | PERKARA/TAJUK | MUKA SURAT |
|-----|---|------------|
| 1 | Kata Alu-aluan Guru Besar | 1 |
| 2 | Sejambak Kata | 2 |
| 3 | Mukadimah | 3 |
| 4 | Matlamat dan Objektif | 4 |
| 5 | Strategi Dan Polisi | 5 |
| 6 | Panduan Pelaksanaan Kokurikulum | 6 - 8 |
| 7 | Polisi Keselamatan Kokurikulum Sekolah. | 9 - 11 |
| 7 | AJK Tertinggi Tertinggi pengurusan Kokurikulum Sekolah. | |
| | - Carta Organisasi AJK Tertinggi | 12 - 13 |
| 8 | AJK Kerja Pengurusan Kokurikulum: | |
| | - AJK Sukan dan Permainan. | 14 |
| | - AJK Kelab dan Persatuan | 15 |
| | - AJK Unit Uniform | 16 |
| | - AJK Majlis Sukan Sekolah. | 17 |
| | - AJK Rumah Sukan. | 18 |
| | - Tugas Dan Tanggungjawab AJK Kerja | 19 - 23 |
| | - Organisasi Unit-Unit Kokurikulum Sekolah | 24 - 25 |
| 9 | Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah | |
| | - Carta Organisasi | 26 |
| | - Tugas Dan Tanggungjawab | 27 - 28 |
| 10 | Takwim Kokurikulum 2010 | |
| | - Takwim Kokurikulum Sekolah /MSSD/MSSJ | 29 - 34 |
| | - Ringkasan perjumpaan dan aktiviti kokurikulum | 35 - 36 |
| 11. | Jadual Latihan Sukan Dan Permainan | 37 - 38 |
| 12. | Sistem Pengurusan Fail Kokurikulum Sekolah. | 39 - 42 |
| 13. | Jadual Penempatan Aktiviti Kokurikulum Sekolah | 43 |

KANDUNGAN

| BIL | PERKARA/TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|--|-------------------|
| 14. | Penyeragaman Aktiviti Kokurikulum Sekolah. | 44 - 46 |
| | - Jadual Tugas Perhimpunan Mingguan. | 47 |
| | - Jadual Tugas Aktiviti Senamrobik | 47 |
| 15. | Pemantauan Aktiviti Kokurikulum Sekolah. | |
| | - Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Kokurikulum Sekolah | 48 |
| | - Proses Pemantauan | 48 |
| | - Jadual Pemantauan | 49 - 50 |
| 17. | Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah | |
| | - Jawatankuasa Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah | 51 |
| | - Proses Penilaian | 51 |
| | - Jadual Penilaian. | 52 |



EN. MOHD HASZAM BIN MOHD HUSIN

Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Masai, Johor

Assalamualaikum W.B.R

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Unit Kokurikulum Sekolah Kebangsaan Masai, Johor kerana berjaya menghasilkan "**Buku Pengurusan Kokurikulum 2015**". Terima kasih juga kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengungkap sepatah dua kata di dalam buku ini.

Adalah menjadi misi dan visi sekolah ini agar kemajuan dan kecemerlangan dalam kurikulum dan kokurikulum akan menjadi impian dan matlamat yang harus dicapai bagi tahun 2015. Untuk itu pengurusan yang berkesan dan sistematik mesti dilaksanakan bagi mencapai hasrat sekolah dan juga hasrat KPM seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (**PPPM**)

Saya amat berharap agar semua guru-guru Sekolah Kebangsaan Masai dapat melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah ini dengan penuh rasa bertanggungjawab, komited beserta dengan ketulusan dan keikhlasan agar ianya dapat berjalan dengan baik dan lancar. Dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kokurikulum haruslah dilaksanakan tanpa sebarang keraguan. Saya juga berharap kerjasama dan kesepaduan antara kita akan dapat menghasilkan pencapaian yang lebih cemerlang untuk tahun ini.

Akhir kata, saya berharap kegiatan kokurikulum yang telah dirancang untuk tahun ini akan dapat dilaksanakan dengan teratur. Saya juga berharap agar guru-guru dapat memberikan kerjasama yang jitu kepada Unit kokurikulum sekolah dalam menguruskan aktiviti kokurikulum sepanjang tahun 2015.

Terima kasih dan Selamat Menjalankan Tugas.

Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Masai, Johor



IBRAHIM BIN JAHIDIN

GPK KOKURIKULUM

Sekolah Kebangsaan Masai, Johor

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum W.B.R

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah Subhanawata'ala kerana masih diberi kesihatan dan kesempatan untuk kita sama-sama lagi menabur bakti dan berbudi kepada anak bangsa di Tanah Air tercinta ini.

Mudah-mudahan pada tahun 2015 ini, kita dapat melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan dengan lebih baik lagi. Terima kasih kepada semua warga **Sekolah Kebangsaan Masai** yang telah memberikan khidmat yang baik sepanjang tahun 2014 dalam usaha menjayakan kegiatan kokurikulum selaras dengan kehendak dan kemahuan Kementerian Pendidikan Malaysia yang inginkan kegiatan kokurikulum menjadi pemangkin kepada pembentukan insan kamil seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

(P P P M)

Sepertimana yang kita semua ketahui tahun ini banyak perubahan dan penambahbaikan yang berlaku dalam pendidikan dan tidak terkecuali dalam kokurikulum. Tahun ini perubahan akan berlaku di dalam penilaian murid di mana Peperiksaan UPSR dan PMR tidak lagi semata-mata dinilai berteraskan akademik sahaja malah kokurikulum akan menjadi penyumbang yang penting dalam pencapaian murid. PAJSK (Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum) akan diperkenalkan dan dilaksanakan oleh semua guru seluruh Malaysia.

Oleh yang demikian, tugas dan tanggungjawab kita akan bertambah dan sama-samalah kita berganding tenaga menjayakannya. Saya berharap dengan adanya “ **BUKU PENGURUSAN KOKURIKULUM 2015**” akan sedikit sebanyak dapat memberi panduan dan membantu para guru dalam melaksanakan urusan kokurikulum di sekolah ini sepanjang sesi persekolahan 2015.

Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua guru atas komitmen yang telah lalu dan berharap agar ianya akan diteruskan dengan penuh keikhlasan pada masa-masa akan datang.

Terima kasih dan Selamat Menjalankan Tugas.

GPK Kokurikulum

Sekolah Kebangsaan Masai, Johor

Aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah, dan setiap murid harus melibatkan diri. Aktiviti ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti

"Kurikulum Kebangsaan" ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan, untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan."

Rujuk Subperaturan 3(1) dalam Peraturan-peraturan (kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U.(A) 531/97.

Sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan, maka pelaksanaan kokurikulum di sekolah adalah wajib. {Rujuk Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)} Kegagalan atau keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya {Rujuk Subseksyen 135(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)} dan jika kesalahan itu dilakukan secara berterusan, maka apabila disabitkan sedemikian, seseorang itu dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan kepadanya di bawah Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

{Rujuk Subseksyen 35(2) Akta 550}.

MATLAMAT

Melahirkan generasi yang seimbang, sihat, cerdas, berdaya tahan,

OBJEKTIF

1. Memberi peluang seluas-luasnya kepada penglibatan pelajar supaya mereka memperolehi pengetahuan tentang fungsi dan peranan
2. Menggunakan dan menggalakkan penyertaan aktif dan sungguh-sungguh untuk membentuk sifat tanggungjawab, rajin berusaha, dan perasaan bangga atas kejayaan diri dan sekolah.
3. Menggunakan kokurikulum untuk menyokong pembelajaran ,membina perasaan yakin diri dan watak mulia serta membolehkan hubungan dua hala di antara persekolahan pelajar dengan alam masyarakat sekitar.
4. Membina imej sekolah sebagai sekolah berwatak melalui keyayaan kokurikulum yang cemerlang.

STRATEGI

Untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan, beberapa strategi pelaksanaan perlu diikuti :

Kegiatan kokurikulum dan akademik yang telah dijadualkan hendaklah seimbang. Aktiviti kokurikulum yang dirancang perlu bersesuaian dengan kurikulum.

Pihak sekolah dari semasa ke semasa perlu menambahkan bilangan persatuan/kelab/unit pakaian seragam untuk memberi peluang kepada murid melibatkan diri secara aktif.

Setiap murid akan melibatkan diri secara aktif sama ada secara individu atau kumpulan.

Setiap murid diwajibkan menganggotai sekurang-kurangnya **3 aktiviti** iaitu satu daripada persatuan/kelab, satu daripada sukan/permainan dan satu daripada pasukan unit pakaian seragam.

Setiap persatuan/kelab/unit pakaian seragam perlu merancang dengan teliti, menarik, kreatif dan berfaedah bagi aktiviti yang akan dijalankan. Aktiviti tersebut perlulah dipelbagaikan seperti lawatan, khidmat masyarakat, latihan, kursus, pertandingan iaitu meliputi aktiviti rutin dan developmental.

Bilangan perjumpaan perlulah sekurang-kurangnya **12/18 kali setahun** dan setiap perjumpaan dipenuhi pelbagai aktiviti yang memakan masa **1/2 jam iaitu 12/18 kali X 1/2 jam**.

Setiap penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum tentang perkembangan dan kemajuan serta pencapaiannya perlu **dinilai dan direkod**. Penghargaan hendaklah diberi kepada murid yang aktif dan banyak memberi sumbangan serta mengharumkan nama sekolah sebagai insentif disamping sebagai sumber inspirasi kepada murid lain.

Kehadiran pelajar dalam kokurikulum perlulah **80%** atau **sekurang-kurangnya 10 kali**, bagi membolehkan menerima sijil atau dicatat rekod penglibatan kokurikulum dalam sijil berhenti sekolah/surat akaun.

Semua persatuan/kelab dan unit pakaian seragam dikehendaki menjalankan **satu aktiviti luar** seperti lawatan sambil belajar/khidmat masyarakat dan kajian luar agar dapat menarik minat murid.

KANDUNGAN KEGIATAN KOKURIKULUM

Kandungan Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah:

Kegiatan Kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan akan mengandungi yang berikut:-

- (a) penyertaan dalam sukan dan permainan;
- (b) penyertaan dalam persatuan dan kelab;
- (c) penyertaan dalam badan beruniform; dan
- (d) penyertaan dalam kegiatan-kegiatan lain sebagaimana ditentukan oleh Menteri.

Rujuk Subperaturan 3(3) dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U. (A) 531/97.

Kegiatan Kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan meliputi kegiatan dalam persatuan yang ditubuhkan di sekolah daripada kategori berikut:-

- (a) mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997;
- (b) hobi dan rekreasi;
- (c) sukan dan permainan;
- (d) badan beruniform; atau
- (e) apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh Pendaftar.

Rujuk Peraturan 4 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai Warta Kerajaan Jil. 42/No. 11 (Tambahan No. 41), Perundangan (A), P.U. (A) 196 bertarikh 21hb. Mei 1998.

STATUS PERLAKSANAAN KOKURIKULUM

Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan oleh setiap orang murid yang belajar di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Setiap murid hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pasukan badan beruniform, satu kegiatan persatuan atau kelab, dan satu kegiatan sukan atau permainan. **{Rujuk Subperkara 5.1 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 KP(BS)8591/Jld. 11(29) bertarikh 2hb. Januari 1985}.**

Penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah.

{Rujuk Subperkara 5.2 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 KP(BS)8591/Jld. 11(29) bertarikh 2hb. Januari 1985}.

Sekolah-sekolah, khususnya yang kurang kemudahan untuk menjalankan gerak kerja kokurikulum ini hendaklah menggalakkan murid-muridnya mengambil bahagian dalam membuat kerja-kerja amal untuk masyarakat setempat; bergotong royong memperbaiki kawasan sekolah; dan dalam pelbagai gerak kerja yang menekankan perpaduan kaum, ketatanegaraan, moral dan sebagainya yang sesuai bagi pendidikan menyeluruh dan pembentukan keperibadian.

{Rujuk Subperkara 5.3 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 KP(BS)8591/Jld. 11(29) bertarikh 2hb. Januari 1985}.

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa ada unsur-unsur diskriminasi atau paksaan dan yang bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Perlembagaan Negara.

Rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/2000, KP(BS)8591/Jld. XVI(16) bertarikh 13 Nov. 2000.

Penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum adalah **wajib**. Sehubungan itu kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum mestilah direkodkan.

Rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1986, KP(BS)8591/Jld. 11/(41) bertarikh 15 Januari 1986.

Kegiatan kokurikulum di sekolah boleh dilaksanakan dengan menggunakan penglibatan dan kepakaran anggota-anggota masyarakat setempat.

Rujuk Subperkara 5.2.3 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4/1985, KP. 8591-11(32) bertarikh 2hb Februari 1985.

PERUNTUKAN MASA KEGIATAN KOKURIKULUM

Peruntukan masa untuk kegiatan kokurikulum seperti dalam **Warta Kerajaan No.5652 Jil. 11/Bil. 27 bertarih 28 Disember 1967** adalah seperti berikut:-

Sekolah Menengah

| TINGKATAN | ALIRAN | PERUNTUKAN MASA |
|---------------------|-------------|--------------------|
| Peralihan 1,2,3,& 6 | | 180 minit seminggu |
| 4 & 5 | Sastera | 180 minit seminggu |
| | SRT | 180 minit seminggu |
| | Perdagangan | 180 minit seminggu |
| | Sains | 140 minit seminggu |
| | Pertanian | 140 minit seminggu |
| | Teknik | 100 minit seminggu |

Sekolah Rendah

| TAHUN | PERUNTUKAN MASA |
|---------|--------------------|
| 3 dan 4 | 60 minit seminggu |
| 5 & 6 | 120 minit seminggu |

Tugas dan Tanggungjawab Guru

Guru Besar/Pengetua sebagai Penolong Pendaftar mempunyai kuasa untuk melantik guru sebagai guru penasihat bagi menjalankan tugas- tugas dalam aktiviti kokurikulum berdasarkan peruntukan yang sedia ada.

Rujuk dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Bahagian 2.

Polisi ini harus dibaca bersama:

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL:1/1989

Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Sukan Di Sekolah

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL: 8/1995

Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan.

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL: 3/1995

Perlaksanaan Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Semua Pelajar Sekolah Kerajaan Dan Bantuan Kerajaan.

SURAT PEKELILING KHTISAS BIL: 25/1998 dan BIL: 3/1979

Pendidikan Jasmani.

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL: 24/1988

Penglibatan Guru Dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Anjuran Agensi Kerajaan Dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL: 25/1998

Perlaksanaan Pelajaran Pendidikan Jasmani Dan Pendidikan Kesihatan.

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL: 9/2000 dan BIL: 1/1995

Panduan Keselamatan diri Pelajar semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan dan Di Luar Kawasan Sekolah.

Catatan:

Sila Rujuk **Buku Polisi Keselamatan Kokurikulum Sekolah** untuk mendapatkan keterangan lebih terperinci.

PENGENALAN

Aktiviti ko-kurikulum merupakan sebarang aktiviti yang dijalankan di luar kelas yang tidak melibatkan waktu pembelajaran.

RASIONAL

SK Masai, Johor bertanggungjawab menyediakan iklim sekolah yang selamat semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Warga sekolah terdedah dengan isu-isu keselamatan fizikal dan semasa penggunaan peralatan sukan. Menyedari keperluan pengawasan yang rapi sepanjang aktiviti dijalankan.

OBJEKTIF

- Memastikan kegiatan ini bergerak selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mengelakkan berlakunya kemalangan semasa kokurikulum dijalankan.
- Mendisiplin diri dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.
- Memastikan pengurusan peralatan dan diri pelajar mengikut tatacara yang disediakan.

PERANAN MURID

- Melapor taraf kesihatan diri kepada guru
- Mengikut arahan guru / jurulatih sepanjang aktiviti dijalankan.
- Melaporkan dengan segera sebarang masalah yang timbul sepanjang aktiviti dijalankan.
- Mengikut aktiviti yang dijalankan dengan mengutamakan aspek keselamatan.

PERANAN JURULATIH / GURU

- Memberikan kesedaran dan kefahaman kepada pelajar tentang pentingnya keselamatan diri semasa menjalankan aktiviti kokurikulum melalui:
 - * Poster
 - * Perhimpunan Mingguan
 - * Ceramah
 - * Bengkel
 - * Pengajaran dan Pembelajaran dalam kelas
 - * Edaran
- Menerima aduan pelajar dan mengambil tindakan susulan.
- Merekod semua aduan bagi sebarang insiden atau mereka yang disyaki mempunyai niat jahat.
- Memaklum kepada ibubapa dan pihak berkenaan.
- Memanfaatkan sepenuhnya Jawatankuasa Permaufakatan, Jawatankuasa Keselamatan dan PIBG dalam merancang langkah keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ko-kurikulum.
- Mengadakan peraturan yang jelas tentang keselamatan murid dalam aktiviti ko-kurikulum.

PERANAN IBU BAPA DAN PENJAGA.

- Mengambil tahu aktiviti ko-kurikulum yang diikuti oleh anak/jagaan masing-masing.
- Meneliti dan mengisi borang yang disediakan oleh pihak sekolah yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan.
- Menandatangani borang pengesahan kebenaran untuk menjalankan aktiviti.
- Menyediakan bahan keperluan anak / jagaan sepanjang aktiviti dijalankan.
- Mengenalpasti jurulatih / guru yang menguruskan aktiviti dan menyimpan nombor telefon jurulatih / guru berkenaan dan pihak sekolah.


POLISI

- Memastikan warga SK Masai, Johor adalah tertakluk kepada **Peraturan Polisi Keselamatan Kegiatan Kokurikulum.**
- Pegawai yang bertugas semasa aktiviti kokurikulum dijalankan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua polisi, peraturan dan langkah-langkah keselamatan diikuti sepenuhnya.
- Segala kemalangan yang berlaku harus disusuli dengan tindakan segera mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Sekiranya berlaku sebarang kemalangan, laporan mesti dibuat kepada pegawai atau sekolah.
- Semua pelajar akan dilindungi melalui Skim Takaful Kemalangan Diri
- Berkelompok (rujukan: **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil: 3/1995)**
- Polisi keselamatan kegiatan kokurikulum adalah diketahui oleh semua warga SK MASAI,JOHOR melalui usaha penyebaran maklumat dan taklimat rasmi.
- Semua warga SK MASAI, JOHOR adalah tertakluk kepada polisi ini.

Laporan Keselamatan, Kecederaan dan kemalangan


- Dalam memastikan sebarang kecederaan, kemalangan dan kematian yang berlaku di sekolah terutama semasa pelaksanaan kokurikulum, serta mudah untuk dijadikan bahan rujukan oleh mana-mana pihak, sekolah dikehendaki menyediakan pelaporan dalam bentuk dokumentasdi yang jelas dan kemas.
- Guru Penasihat persatuan/kelab perlulah dengan segera membuat pelaporan berhubung sebarang kecederaan, kemalangan yang berlaku semasa aktiviti di dalam buku laporan khas yang disediakan oleh pihak sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam pekeliling SPI
- Antara maklumat penting yang perlu dimasukkan ke dalam pelaporan berkenaan adalah seperti:-
 - Nama Pelajar dan individu yang terlibat
 - Tarikh, tempat dan mas kecederaan/kemalangan berlaku.
 - Bentuk kecederaan pada pelajar
 - Nama guru yang membuat pelaporan
 - Tahap kecederaan dan kemalangan
 - Tindakan lanjut oleh guru berkenaan
 - Tandatangan dokumen pelaporan
 - Pengesahan pelaporan oleh pengetua/guru Besar atau pegawai bertanggungjawab

JAWATANKUASA BIMBINGAN PELAJAR SEKOLAH




AJK TERTINGGI PENGURUSAN KOKURIKULUM

ORGANISASI PENGURUSAN KOKURIKULUM SEKOLAH 2015




AJK TERTINGGI PENGURUSAN KOKURIKULUM




AJK KERJA PENGURUSAN KOKURIKULUM

ORGANISASI PENGURUSAN SUKAN PERMAINAN SEKOLAH 2015




AJK KERJA PENGURUSAN KOKURIKULUM

ORGANISASI PENGURUSAN KELAB PERSATUAN 2015




AJK KERJA PENGURUSAN KOKURIKULUM

ORGANISASI PENGURUSAN UNIT BERUNIFORM 2015




AJK KERJA PENGURUSAN KOKURIKULUM

ORGANISASI PENGURUSAN MAJLIS SUKAN SEKOLAH 2015



AJK KERJA PENGURUSAN KOKURIKULUM

ORGANISASI PENGURUSAN RUMAH SUKAN 2015



TUGAS JAWATAKUASA PENGURUSAN

- a. Merancang aktiviti sekolah (Rancangan Jangka Panjang /Pendek).
- b. Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
- c. Menentukan peraturan kokurikulum sekolah.
- d. Menentukan takwim dan jadual aktiviti.
- e. Memastikan penglibatan pelajar menyeluruh.
- f. Memastikan sekolah mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum peringkat daerah/ negeri/kebangsaan.
- g. Memastikan guru mematuhi takwim dan jadual Kokurikulum.
- h. Menentukan tarikh Kejohanan Olahraga sekolah, Merentas Desa, Hari Kecemerlangan Kokurikulum dan kegiatan lain.
- i. Menilai aktiviti kokurikulum dan membuat laporan tahunan.
- J. Memastikan konsep sukan untuk semua dan sukan untuk elit dilaksanakan di sekolah.
- k. Membuat anggaran perbelanjaan dan menentukan peruntukan kewangan
- l. Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada guru dan pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang masing-masing.
- m. Memastikan semua tempat dan alat selamat digunakan oleh pelajar.

TUGAS GPK KOKURIKULUM

- a. Menentukan objektif gerakerja kokurikulum sekolah tercapai.
- b. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar gerakerja kokurikulum sekolah.
- c. Menyelaras dan meluluskan program tahunan setiap unit gerakerja kokurikulum
- d. Memastikan supaya setiap unit gerakerja kokurikulum berjalan dengan lancar, berterusan dan berkesan.
- e. Menyelesaikan masalah yang berbangkit dalam perjalanan aktiviti kokurikulum.
- f. Menyelaras dengan pihak sekolah peruntukan dan perbelanjaan aktiviti kokurikulum.
- g. Mengawal segala urusan kewangan bagi wang yang dikutip daripada pelajar.
- h. Menerima laporan kedudukan stok dan inventori peralatan kokurikulum.
- i. Menerima laporan kegiatan unit kokurikulum pada akhir tahun daripada setiausaha kokurikulum, penolong Setiausaha kokurikulum dan penyelaras-penyelaras unit.
- j. Memutuskan pengurniaan yang akan diberi kepada pelajar yang men capai taraf kecemerlangan dalam aktiviti kokurikulum.

TUGAS SETIAUSAHA/PENYELARAS KOKURIKULUM

- a. Menyelaras semua aktiviti kokurikulum.
- b. Membantu Pengetua dalam pengagihan tugas kepada guruguru, perancangan, pelaksanaan dan penilaian pelajar.
- c. Mengurus pemilihan peserta untuk ke pertandingan aktiviti persatuan/ kelab/pasukan badan beruniform dan sukan/permainan.
- d. Menentukan langkah-langkah keselamatan dalam aktiviti kokurikulum dipatuhi.
- e. Memastikan rekod dan data diselenggara dengan baik.
- f. Memastikan borang-borang kokurikulum yang digunakan dikemaskinikan dan mencukupi.
- g. Mengenal pasti guru dan murid yang berpotensi dalam aktiviti kokurikulum dan mengadakan latihan dengan mereka.

TUGAS SETIAUSAHA SUKAN

- a. Menyelaraskan semua aktiviti sukan sekolah.
- b. Menyediakan takwim dan aktiviti sukan yang sesuai dengan aktiviti MSSD/ MSSN/MSSM.
- c. Membantu Pengetua mengagih tugas baru dalam olahraga dan permainan.
- d. Menetapkan pelajar dalam Rumah Sukan.
- e. Menyediakan anggaran belanjawan tahunan untuk aktiviti dan peralatan.
- f. Menyelaraskan penyertaan sekolah dalam aktiviti sukan luar sekolah.
- g. Mengurus dan menjaga keselamatan semua peralatan sukan sekolah.
- h. Menyimpan dan mengemaskini buku stok dan inventori peralatan sukan.
- i. Menyediakan peraturan penggunaan peralatan dan kemudahan sukan.
- j. Menyediakan laporan lengkap tentang semua aktiviti sukan sekolah dan luar sekolah untuk edaran, rujukan dan rekod.
- k. Sentiasa berbincang dengan Pengetua/ Penolong Kanan Kokurikulum untuk kepentingan sukan sekolah.
- l. Merekodkan pencapaian cemerlang pelajar dan pasukan sekolah dalam Buku Rekod Pencapaian Sukan Sekolah.
- m. Menghadiri kursus dari masa ke masa untuk meningkatkan ilmu

TUGAS KELAB/PERSATUAN/UNIT UNIFORM

- a. Mengatur dan menyelia perjalanan persatuan/kelab/pasukan badan beruniform.
- b. Menyediakan jadual waktu untuk perjumpaan dan mesyuarat.
- c. Menyelaraskan semua aktiviti kokurikulum.
- d. Menyediakan borang kebenaran ibu bapa/penjaga untuk pelajar menyertai persatuan/kelab/pasukan badan beruniform.
- e. Menentukan aktiviti, surat-menyurat dan minit mesyuarat difailkan dengan baik.
- f. Memastikan mesyuarat agung dan pemilihan AJK diadakan setiap tahun pada tarikh yang ditetapkan.
- g. Menguruskan Buku/Kad Kokurikulum - mengagihkan kad kokurikulum kepada guru untuk diedarkan setiap tahun pada tarikh yang ditetapkan.
 - Mengumpulkan semula daripada guru tingkatan pada akhir tahun untuk simpanan dan rekod bilik kokurikulum.
- h. Menyediakan borang/buku yang diperlukan untuk aktiviti:
 - Borang penyertaan persatuan
 - Borang senarai AJK dan ahli
 - Buku laporan aktiviti
- i. Mengumpulkan rancangan tahunan dan buku aktiviti untuk edaran, rujukan dan rekod.
- j. Membuat laporan tahunan keseluruhan tentang aktiviti dan pencapaian kokurikulum sekolah.

TUGAS GURU PENASIHAT DAN PEMIMPIN

- a. Memastikan Mesyuarat Agung diadakan bagi tujuan melantik Ahli Jawatankuasa.
- b. Memastikan ada Perlembagaan dan Peraturan.
- c. Memastikan aktiviti selaras dengan objektif sekolah.
- d. Memastikan jawatankuasa menjalankan tugas seperti terkandung dalam Perlembagaan.
- e. Merancang aktiviti tahunan dengan kerjasama pelajar.
- f. Memastikan aktiviti berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.
- g. Merancang strategi untuk peningkatan kecemerlangan Pasukan Badan Beruniform/Kelab Persatuan dan Sukan/Permainan.
- h. Memastikan pengurusan kewangan dan harta benda/peralatan diurus dengan baik.
- i. Memastikan Minit Mesyuarat dan Laporan Aktiviti disediakan dan difailkan.
- j. Mendaftarkan Pasukan Badan Beruniform, Kelab/Persatuan, Permainan.
- k. Bertanggungjawab memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta galakan kepada ahli-ahli.
- l. Mengurus penyertaan ahli-ahli dalam kegiatan di peringkatsekolah/zon/daerah dalam lawatan atau projek yang dijalankan.
- m. Bertanggungjawab mencatat penglibatan dan pencapaian ahli.
- n. Menandatangani Buku Kehadiran Ahli.
- o. Menghadiri perjumpaan atau mesyuarat yang berkaitan dengan unit yang diwakili.
- p. Menentukan Papan Kenyataan digunakan dengan sepenuhnya.
- q. Memastikan tidak ada unsur subversif tersebar di kalangan ahli.
- r. Mencadangkan nama ahli yang layak menerima Sijil Penghargaan kepada Jawatankuasa Kokurikulum Sekolah.
- s. Bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menjayakan sesuatu program.
- t. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengetua dari semasa ke semasa.

TUGAS GURU SUKAN SEKOLAH/RUMAH

- a. Membentuk jawatankuasa.
- b. Merancang meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat pelajar dalam permainan.
- c. Berusaha mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka yang pakar.
- d. Memastikan undang-undang permainan dan perlawanan dipatuhi.
- e. Memilih dan melatih pasukan sekolah mengikut jadual dan takwim kokurikulum sekolah.
- f. Menganjurkan perlawanan antara Rumah Sukan/Kelas/Tingkatan/Sekolah.
- g. Menguruskan pengangkutan untuk pasukan sekolah ke pertandingan luar.
- h. Menguruskan surat kebenaran ibu bapa/penjaga untuk ke pertandingan luar sekolah.
- i. Melapor dan merekodkan keputusan-keputusan pertandingan yang disertai.
- j. Menyediakan anggaran perbelanjaan untuk peralatan dan pengurusan.
- k. Menyemai semangat kesukanan di kalangan pelajar.
- l. Menentukan peralatan dan kemudahan permainan sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan mencukupi untuk digunakan.
- m. Merancang aktiviti tahunan dengan guru Rumah Sukan.
- n. Menilai prestasi pasukan sekolah dan mengambil langkahlangkah untuk mempertingkatkan.
- o. Merekodkan nama pemain-pemain dan pasukan yang cemerlang(johan daerah/negeri, wakil daerah/negeri dan negara)
- p. Menghadiri kursus permainan yang dianjurkan oleh Jabatan Belia,



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AJK UNIT-UNIT KOKURIKULUM

Pengerusi

- Mempengerusikan semua mesyuarat dan bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat.
- Meneliti catatan minit mesyuarat dan memastikan segala keputusan yang diputuskan diambil tindakan yang sewajarnya.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

Naib Pengerusi

- Membantu pengerusi dalam menjalankan tugas dan tanggung jawab yang diberi.
- Mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan pengerusi.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

Setiausaha

- Menguruskan hal-hal surat menyurat.
- Mencatat dan menandatangani minit mesyuarat/laporan kegiatan-kegiatan.
- Mencatat kehadiran ahli
- Menyimpan dokumen yang berkaitan dengan persatuan.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AJK UNIT-UNIT KOKURIKULUM

Penolong Setiausaha

- Membantu setiausaha dalam menjalankan segala tugas dan tanggung jawabnya.
- Menjalankan tugas Setiausaha sewaktu ketiadaan Setiausaha.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

Bendahari

- Bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan
- Membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kesahihannya.
- Menyediakan Penyata Kira-Kira bulanan dan tahunan serta menandatangani.
- Melaporkan kedudukan kewangan sekiranya diminta di dalam mesyuarat ahli jawatankuasa.
- Menyediakan Laporan Kewangan untuk di audit dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.

Penolong Bendahari

- Menjalankan tugas-tugas Bendahari sewaktu ketiadaan Bendahari.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa.


Ahli Jawatankuasa

- Membantu menjalankan tugas dalam segala program dan aktiviti yang dilaksanakan.
- Mempengerusikan biro sekiranya dilantik.
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari masa ke semasa

Pemeriksa Kira-Kira

- Memeriksa, menyemak serta mengesahkan Laporan Kewangan tahunan dan bertanggungjawab keatasnya.
- Memastikan pengurusan kewangan diuruskan dengan betul.

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUKAN SEKOLAH 2015



BIDANG TUGAS JAWATANKUASA KECIL

JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN FIZIKAL SUKAN SEKOLAH

1. Merancang pembangunan Fizikal Sukan Sekolah.
2. Menyediakan Kemudahan fizikal sukan yang berkualiti.
3. Memastikan setiap kemudahan fizikal sukan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
4. Melaporkan setiap kerosakan dan kecacatan fizikal sukan kepada pihak yang berkenaan untuk dibaikpulih.
5. Memastikan kemudahan fizikal sukan sekolah mencukupi mengikut jumlah murid.

JAWATANKUASA KECIL PENGGALAK SUKAN SEKOLAH

1. Merancang segala aktiviti yang berkaitan dengan sukan dan permainan
2. Menyediakan kertas konsep untuk aktiviti sukan yang Akan dijalankan
3. Memastikan penglibatan murid secara menyeluruh.
4. Memberi dorongan kepada murid supaya mempunyai minat terhadap sukan dan permainan.

JAWATANKUASA KECIL SUMBER MANUSIA SUKAN SEKOLAH

1. Menentukan agihan tugas kepada guru mengikut aktiviti sukan dan permainan
2. Menentukan jumlah guru yang diperlukan untuk setiap aktiviti sukan Dan permainan yang dijalankan Dan disertai.
3. Memastikan agihan tugas yang diberikan dilaksanakan dengan sebaiknya.
4. Menguruskan penyertaan pasukan dan peserta dalam sesuatu pertandingan sukan dan permainan.

JAWATANKUASA KECIL PEMANTAUAN DAN PENILAIAN SEKOLAH

1. Memantau semua aktiviti sukan dan permainan yang dijalankan.
2. Membuat Post Mortem ke atas semua aktiviti sukan permainan yang dijalankan dan disertai.
3. Membuat Laporan semua aktiviti sukan dan permainan yang disertai oleh sekolah pada peringkat sekolah, zon, daerah, negeri dan kebangsaan.

BIDANG TUGAS JAWATANKUASA KECIL

JAWATANKUASA KECIL PENINGKATAN PROFESIONALISME

1. Merancang aktiviti seperti mengadakan kursus, seminar untuk guru-guru dan murid-murid berkaitan dengan sukan bertujuan meningkatkan kemajuan sukan di sekolah.
2. Mengenalpasti guru-guru berpotensi dalam sesuatu bidang sukan untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.
3. Bekerjasama dan berhubung dengan pihak agensi luar bagi mendapatkan kepakaran dalam bidang sukan untuk membantu meningkatkan taraf profesional guru dalam bidang sukan.
4. Melaporkan setiap kegiatan yang dijalankan kepada pihak Guru Besar.

JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN SUKAN SEKOLAH

1. Membantu pihak sekolah dari segi kewangan yang diperlukan dalam pengurusan sukan di sekolah.
2. Membantu pihak sekolah mendapatkan dana dan sumbangan dari pihak luar untuk digunakan dalam pengurusan pembangunan sukan sekolah.
3. Bertanggungjawab memastikan sumber kewangan bagi pembangunan sukan sekolah mencukupi untuk menjalankan aktiviti sukan dan permainan di sekolah.

JAWATANKUASA KECIL TEKNIKAL SUKAN SEKOLAH

1. Memberi bantuan dari segi kepakaran dan tenaga yang diperlukan oleh pihak sekolah dalam menguruskan aktiviti sukan dan permainan di sekolah
2. Membantu pihak sekolah menjalankan aktiviti sukan di sekolah.

JANUARI 2015

| ~ Januari 2015 ~ | | | | | | |
|------------------|--|--|--|--|--|--|
| Ahad | Isnin | Selasa | Rabu | Khamis | Jumaat | Sabtu |
| | | | | 1 | 2 | 3 Maulidur Rasul |
| 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
| 11 | 12 | 13 | 14 MESYUARAT AJK PEMBANGUNAN SUKAN | 15 Taklimat & Pendaftaran Koko Tahun 4 MESYUARAT MERENTAS DESA DESA | 16 | 17 PERJUMPAAN (1) MESYUARAT AGONG UNIT KOKURIKULUM |
| 18 | 19 KELAB SUKAN & PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT. MERENTAS DESA THN 4 | 20 KELAB SUKAN & PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT. MERENTAS DESA THN 5 | 21 PERJUMPAAN KOKO (2) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 22 RAPTAI MERENTAS DESA SEKOLAH | 23 MSSD BADMINTON/P.PONG/ RAGBI | 24 MSSD BADMINTON/P.PONG/ RAGBI MERENTAS DESA SEKOLAH |
| 25 | 26 KELAB SUKAN & PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT. OLAHRAGA (1) THN 4 | 27 KELAB SUKAN & PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT. OLAHRAGA (1) THN 5 | 28 PERJUMPAAN KOKO (3) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 29 MSSD KEJOHANAN MERENTAS DESA | 30 | 31 |

FEBRUARI 2015

| ~ Februari 2015 ~ | | | | | | |
|-------------------------------------|--|---|--|---|--|--|
| AHAD | ISNIN | SELASA | RABU | KHAMIS | JUMAAT | SABTU |
| 1 | 2 KELAB SUKAN & PERMAINAN (7.15 - 8.15) LATIHAN OLAHRAGA THN 4 | 3 THAIPUSAM | 4 PERJUMPAAN KOKO (4) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 5 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT.OLAHRAGA (THN 6) MSSD S.TAKRAW/ B.JARING | 6 MSSD S.TAKRAW/ B.JARING | 7 MSSD S.TAKRAW/ B.JARING |
| 8 | 9 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT.OLAHRAGA (THN 4) MSSD TENPIN BOLING | 10 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT.OLAHRAGA (THN 5) MSSD TENPIN BOLING | 11 PERJUMPAAN KOKO (5) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 12 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT.OLAHRAGA (THN 6) MSSJ GIMRAMA/RAGBI | 13 MSSJ GIMRAMA/RAGBI MERENTAS DESA | 14 MSSJ GIMRAMA/RAGBI MERENTAS DESA |
| 15 | 16 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT.OLAHRAGA (THN 4) | 17 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) LAT.OLAHRAGA (THN 5) | 18 CUTI PERISTIWA TAHUN BARU CINA | 19 CUTI TAHUN BARU CINA | 19 CUTI TAHUN BARU CINA | 21 |
| 19 CUTI GANTI TAHUN BARU CINA | 19 CUTI GANTIAN TAHUN BARU CINA | 24 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) SUKANTARA 1 MSSJ TENPIN BOLING | 25 PERJUMPAAN KOKO (6) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN MSSJ TENPIN BOLING | 26 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) SUKANTARA 2 | 27 MSSJ B.BALING/B.KERANJANG SEPAK TAKRAW/BOLING/ SKUASY | 28 MSSJ B.BALING/B.KERANJANG SEPAK TAKRAW/BOLING/ SKUASY |

MAC 2015

| ~ Mac 2015 ~ | | | | | | |
|--|--|--|---|---|--|---|
| AHAD | ISNIN | SELASA | RABU | KHAMIS | JUMAAT | SABTU |
| 1 | 2 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) SUKANTARA 3 | 3 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) ACARA SEBELUM SUKAN Mesyuarat Kursus Kepimpinan | 4 PERJUMPAAN KOKO (7) (7.15 - 8.45) RAPTAI SUKAN TAHUNAN | 5 PERJUMPAAN KOKO (8) KEJOHANAN OLAHRAGA SEKOLAH KALI KE-58 | 6 | 7 |
| 8 | 9 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 4 | 10 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 5 | 11 PERJUMPAAN KOKO (9) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 12 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 6 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 |
| MSSD OLAHRAGA | MSSD OLAHRAGA | MSSD OLAHRAGA | MSSD OLAHRAGA | | | |
| 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 | 13 CUTI PERTENGAHAN PENGGAL 1 |
| 22 | 23 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 4 | 24 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 5 | 25 PERJUMPAAN KOKO (10) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 26 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 6 HOKI/CATUR/KRIKET | 27 MSSD HOKI/CATUR/KRIKET | 28 MSSD HOKI/CATUR/KRIKET PERJUMPAAN 11 KURSUS KEPIMPINAN KOKO |
| 29 | 30 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 4 | 31 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 5 | Notes: | | | |

APRIL 2015

| ~ April 2015 ~ | | | | | | |
|----------------|--|--|---|--|---|---|
| AHAD | ISNIN | SELASA | RABU | KHAMIS | JUMAAT | SABTU |
| | | | 1 PERJUMPAAN KOKO (12) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 2 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA SEPAK/B.JARING THN 6 | 3 | 4 |
| 5 | 6 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 4 | 7 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 5 | 8 PERJUMPAAN KOKO (13) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN MSSJ KEJ. PDG & BALAPAN | 9 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 6 KEJ. PDG & BALAPAN | 10 MSSJ KEJ. PDG & BALAPAN | 11 MSSJ KEJ. PDG & BALAPAN |
| 12 | 13 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 4 | 14 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 5 | 15 PERJUMPAAN KOKO (14) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 16 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 6 B.SEPAK & B.JARING | 17 MSSD B.SEPAK & B.JARING | 18 MSSD B.SEPAK & B.JARING |
| 19 | 20 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 4 | 21 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 5 | 22 PERJUMPAAN KOKO (15) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 23 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BOLA BALING THN 6 B.TAMPAR/MEMANAH | 24 MSSJ GIMNASTIK/CATUR/HOKI/ B.TAMPAR/MEMANAH | 25 MSSJ GIMNASTIK/CATUR/HOKI/ B.TAMPAR/MEMANAH |
| 26 | 27 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 4 | 28 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 5 | 29 PERJUMPAAN KOKO (16) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 30 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 6 | Notes: | |

MEI 2015

| ~ Mei 2015 ~ | | | | | | |
|------------------------------|--|--|---|---|---|--|
| ← Apr 2015 | | | | | | Jun 2015 → |
| AHAD | ISNIN | SELASA | RABU | KHAMIS | JUMAAAT | SABTU |
| | | | | | 1 CUTI HARI PEKERJA | 2 |
| 3 CUTI HARI WESAK | 4 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 4 | 5 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 5 | 6 PERJUMPAAN KOKO (17) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN MSSJ KRIKET | 7 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 6 B.JARING/HOKI | 8 MSSJ KRIKET/B.SEPAK B.JARING/HOKI | 9 MSSJ KRIKET/B.SEPAK B.JARING/HOKI PERJUMPAAN 18 KARNIVAL SUKAN |
| 10 | 11 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 4 | 12 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 5 | 13 PERJUMPAAN KOKO (19) (7.15 - 8.45) UNIFORM/PERSATUAN | 14 SUKAN PERMAINAN (7.15 - 8.15) BADMINTON THN 6 | 15 | 16 |
